



# AKTA PENGHUTANG 1957

DISEDIAKAN OLEH : DULIE SHAHIEDAN BIN HAMDAN

**AKTA PENGHUTANG  
1957**  
( untuk membayar hutang seseorang  
(pemiutang). )

**SEKSYEN 4  
(PENGUATKUASAAN)**

**S.4(1)**  
akan disoal jawab pihak mahkamah berkenaan keupayaan penghutang untuk membayar hutang tersebut disamping memeriksa rekod harta dan status harta penghutang.

**S. 4 (5)**  
gagal menghadirkan ke Mahkamah:  
1) Waran tangkap dikeluarkan  
2)Perintah dikeluarkan secara ex- parte

**SEKSYEN 3  
(PELAKSANAAN)**

Jumlah wang yang diperintahkan untuk dibayar melalui kaedah pelaksanaan

Pelaksanaan:  
penyitaan, serahan, penahanan atau jualan) terhadap harta alih/tak alih seseorang ( penghutang ).

**PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BOLEH DIKENAKAN PELAKSANAAN**  
**Seksyen 3 (1) (a) – (h)**



## TUJUAN


Menguatkuasakan Mahkamah untuk mengeluarkan perintah penghakiman ke atas seseorang (penghutang) untuk membayar hutang seseorang (pemiutang).

Ada beberapa cara samada pelaksanaan(S.3) atau menguatkuasakan (S.4).


## PELAKSANAAN DI BAWAH SEKSYEN 3

- Menurut **seksyen 3**, jumlah wang yang diperintahkan untuk dibayar menurut penghakiman mahkamah disebabkan oleh kegagalan untuk membayar balik boleh di dapatkan dengan serta merta/ pada sesuatu masa/ikut cara yang diarahkan melalui kaedah pelaksanaan (penyitaan, serahan , penahanan atau jualan) terhadap harta alih/tak alih seseorang ( penghutang ).

Penghutang



Pemiutang



Pelaksanaan

GAGAL BAYAR HUTANG

MAHKAMAH KELUARKAN PERINTAH

## PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BOLEH DIKENAKAN PELAKSANAAN (PENYITAAN, PENJUALAN DAN SERAHAN)

- a. Pakaian, perkakas memasak, katil atau alatan tempat tidur dan alat perkakas untuk perniagaannya (trednya) si penghutang ( ini termasuk isteri dan anak-anak) yang bernilai hingga **RM 200**.
- b. Jika si penghutang ialah seorang petani;
  - Alat-alat pertukangan, perkakas pertanian, kerbau, lembu dan biji benih atau hasil yang pada pendapat mahkamah menjadi keperluan asas bagi membolehkan si penghutang mencari nafkah sebagai petani.
- c. Rumah-rumah atau bangunan lain (dengan bahan dan tapaknya dan tanah yang relevan dengannya) yang dimiliki oleh petani (si penghutang) dan diduduki olehnya.

---

d. Buku-buku akaun;

e. Apa - apa (bonus, epf, asb). pencen, ganjaran atau elaun oleh kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan awam yang telah diwartakan oleh YDPA

f. Upah atau gaji . Jika upah atau gaji itu lebih daripada RM 200 sebulan:

Mahkamah boleh membenarkan agar pelaksanaan dikenakan dengan apa-apa cara yang telah ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah berkenaan dengan lebihannya (lebih RM 200 itu) atau bahagiannya itu sebagaimana yang difikirkan adil.

- 
- g. Jika penghutang adalah seorang yang bertanggungjawab untuk membayar hasil tanah maka semua harta alih (yang tertakluk pada mana-mana undang-undang terpakai ) terkecuali daripada dijual dengan maksud untuk membayar tunggakan hasil tanah tersebut.
- h. Apa-apa syer dalam perkongsian yang mana penghutang mempunyai hak dalam mengenakan bayaran (tertakluk dalam undang-undang bertulis berkaitan perkongsian).



Seksyen 3  
(Pelaksanaan)

PERKARA-PERKARA YANG  
TIDAK BOLEH DIKENAKAN  
PELAKSANAAN  
(PENYITAAN, PENJUALAN  
DAN SERAHAN)

(penyitaan, serahan ,  
penahanan atau jualan)  
terhadap harta alih/tak  
alih seseorang ( penghutang ).

Pakaian, perkakas memasak, katil atau  
alatan tempat tidur dan alat perkakas  
untuk yang bernilai hingga **RM 200**.

Alat-alat pertukangan,  
perkakas pertanian, kerbau,  
lembu dan biji benih atau  
hasil yang **keperluan asas bagi  
seorang petani**.

Rumah-rumah atau  
bangunan lain yang  
dimiliki oleh petani dan  
diduduki olehnya.

Buku-buku  
akaun

Apa - apa (bonus, epf, asb). pencen, ganjaran  
atau elaun oleh kerajaan Malaysia atau  
Kerajaan Negeri atau mana-mana badan  
awam yang telah diwartakan

Upah atau gaji .  
Jika upah atau gaji  
itu lebih daripada  
RM 200 sebulan

seorang yang bertanggungjawab untuk  
membayar hasil tanah maka semua harta alih  
(yang tertakluk pada mana-mana undang-  
undang terpakai ) terkecuali daripada dijual

Apa-apa syer  
dalam perkongsian

## PENGUATKUASAAN BAWAH SEKSYEN 4

### S.4 (1)

Melalui saman penghutang penghakiman (judgment debtor summons) yang dikeluarkan ke atas penghutang (judgment debtor), penghutang akan di bawa ke Mahkamah oleh pemiutang (judgment creditor), atau sekiranya si penghutang itu adalah syarikat, maka pegawainya yang akan di bawa dan akan disoal jawab pihak mahkamah berkenaan keupayaan penghutang untuk membayar hutang tersebut disamping memeriksa rekod harta dan status harta penghutang.

## SEKSYEN 4 (1) PENGUATKUASAAN

saman penghutang penghakiman  
(judgment debtor summons) di  
keluarkan ke atas penghutang  
(judgment debtor),

penghutang akan di bawa ke  
Mahkamah oleh pemiutang

disoal jawab pihak mahkamah

---

## **S.4(2)**

Penghutang atau jika si penghutang itu adalah syarikat, pegawainya hendaklah apabila dipanggil, menunjukkan semua buku, kertas atau dokumen di dalam kepunyaanya atau kuasanya yang berkaitan dengan harta tersebut.

## **S.4(3)**

Pemiutang boleh membuat subpoena (memanggil ke mahkamah) sebagai saksi ke atas mana-mana orang yang dia pertimbangkan berkebolehan untuk membekalkan maklumat berkaitan dengan keupayaan si pemiutang untuk membayar penghakiman penghutang.

#### **S.4 (5)**

Jika penghutang atau jika penghutang adalah syarikat, pegawainya setelah saman disampaikan dengan sempurna. gagal menghadirkan ke Mahkamah maka Mahkamah akan ;

(1) mengeluarkan satu perintah penangkapan (waran tangkap) dan akan dibawa ke Mahkamah untuk disiasat; atau

(2) boleh membuat perintah terhadap si pemiutang secara ex-parte (tanpa kehadiran si penghutang).

#### **S.4(6)**

Setelah Mahkamah membuat pemeriksaan atau ketidakhadiran seperti di atas Mahkamah akan membuat perintah kepada si pemiutang dengan cara-

(1) membayar sekaligus dengan segera atau dalam sesuatu tempoh seperti yang Mahkamah tetapkan; atau

(2) melalui bayaran ansuran dalam sesuatu masa seperti yang Mahkamah tentukan

---

## S.4 (7)

Jika penghutang gagal untuk melaksanakan perintah Mahkamah di atas maka, satu notis penghakiman akan dikeluarkan terhadapnya, dengan permintaan dibuat oleh si pemiutang untuk hadir ke Mahkamah pada masa yang ditetapkan dan tunjuk sebab untuk tidak dikenakan hukuman penjara dan atas kegagalannya mematuhi perintah Mahkamah.

## S.4 (8)

Notis penghakiman hendaklah diserahkan sendiri oleh pemiutang kepada penghutang dan jika pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran, penghutang gagal memberikan sebab yang kukuh atas kegagalannya embayar pemiutang, maka dia boleh dipenjarakan atas kuasa mahkamah a untuk tempoh hingga enam (6) minggu atau sehingga dia telah membayar pembayaran awal daripada bayaran ansuran atau apa-apa jumlah yang dikehendaki.

---

**Apakah tindakan yang boleh diambil jika ada bukti kukuh bahawa penghutang akan melarikan diri dan meninggalkan negeri dengan maksud mengelak pembayaran hutangnya?**



## S.6 (1)

Penghutang boleh ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dengan serta merta bagi pemeriksaan selaras dengan prosedur di bawah seksyen 4 (1) jika:

- a. pembayaran wang belum dilaksanakan sepenuhnya atau sebahagiannya:
- b. Dimana writ pelaksanaan sudah dikeluarkan atau tidak, terdapat bukti kukuh bahawa penghutang mungkin akan meninggalkan negeri dengan maksud mengelak pembayaran wang atau mengelak pemeriksaan atas urusannya.

## S.6(2)

Jika pemeriksaan ditangguhkan maka mahkamah akan memerintahkan si penghutang dipenjarakan sehingga perbicaraan seterusnya atau sehingga penghutang membayar jaminan (deposit) mengikut amaun yang ditentukan (untuk memastikan dia akan hadir ke perbicaraan seterusnya). (rujuk seksyen 9)

- **S.7** – Mahkamah setelah menjalankan pemeriksaan, boleh membuat perintah sementara dimana ia dianggap suaimanfaat bagi perlindungan mana-mana harta yang ada untuk digunakan membayar hutang penghakiman.
- **S.8-** Perintah pembayaran secara ansuran tidak menjadi halangan/alasan untuk pelaksanaan dilakukan kecuali setakat mana yang Mahkamah arahkan.
- **S.9-** Kaedah-kaedah mahkamah boleh dibuat untuk tujuan berikut:
  - (1) **mendapatkan deposit** daripada orang yang pada siapa perintah untuk penangkapan atau penjara dikenakan , sejumlah wang tersebut adalah **untuk peruntukan bagi:**
    - (a) perbelanjaan untuk membawa si penghutang di hadapan mahkamah**
    - (b) sara hidup si penghutang semasa berada di penjara: dan**
  - (2) Untuk mengawal apa-apa perkara yang bersampingan dengan deposit itu

- **S. 14** – Hukuman penjara tidak boleh dijalankan di bawah Akta ini untuk melangsaikan atau memadamkan apa-apa hutang, atau menafikan hak mana-mana orang untuk melaksanakan pelaksanaan terhadap harta penghutang. (dihukum penjara tidak bermaksud hutang langsi, dan tidak bermaksud pelaksanaan diberhentikan)

- **S.15-** Tangkapan sebelum penghakiman (berkaitan dengan seksyen 6 & 9)

(Defendan diarahkan untuk melantik penjamin untuk memastikan kehadiran ke mahkamah)

- S.15 (1) Plaintiff dapat membuktikan kepada mahkamah bahawa defendan tersebut dengan niat prejudis terhadap plaintiff, atau mengelakkan apa-apa proses mahkamah, atau menghalang atau menangguhkan pelaksanaan yang dibuat terhadap dia –
  - (a) telah melarikan diri atau meninggalkan Negeri;
  - (b) hendak melarikan diri atau meninggalkan Negeri ; atau
  - (c) telah melupuskan atau mengeluarkan dari Negeri hartanya
- Maka, Mahkamah boleh mengeluarkan perintah untuk menangkap defendan dan menghadapkan dia ke mahkamah untuk menyatakan sebab tidak perlu melantik penjamin untuk memastikan kehadirannya ke mahkamah.
- Defendan tidak akan ditangkap sekiranya dia membayar kepada pegawai yang menjalankan tugas seperti di dalam perintah. Jumlah tersebut akan dijadikan sebagai deposit oleh mahkamah sehingga kes selesai.

- 
- **S.15 (3)** – Setiap penjamin untuk kehadiran defendan hendaklah membayar jaminan tersebut dan sekiranya gagal , defendan dikehendaki untuk membayar jumlah wang tersebut.
  - **S.16(1)**- Penjamin boleh melepaskan tanggungjawab daripada defendan dengan memohon kepada mahkamah dan mahkamah akan keluar arahan kepada defendan untuk hadir ke mahkamah atau jika gagal membuat perintah agar dia ditangkap.
  - **S.16 (2)**- sekiranya defendan hadir atas kuasa saman atau perintah yang dikeluarkan, mahkamah boleh melepaskan penjamin daripada tanggungjawabnya dan memanggil defendan untuk membuat jaminan yang baharu.

- 
- **Sec.17- Prosedur jika defendan gagal memberi jaminan atau mendapat penjamin baru**
  - Mahkamah boleh membuat perintah agar dia ditahan dan di penjara sekiranya dia gagal untuk mematuhi s.15 & 16 sehingga keputusan kes tersebut:
  - Dengan syarat-
  - (a) tiada orang boleh ditahan di penjara dibawah seksyen ini lebih daripada 6 minggu ; dan
  - (b) tiada orang boleh ditahan di penjara dibawah seksyen ini selepas dia mematuhi perintah tersebut.
  - **S.18- Permohonan oleh defendan** – Defendan boleh memohon kepada mahkamah untuk membatalkan mengubah perintah, atau melepaskan dia daripada tahanan pada bila-bila masa selepas penangkapannya dan terpulang pada pihak mahkamah untuk membuat keputusan.

- 
- **S.19(1)-(3)- Sitaan sebelum penghakiman**
  - Sekiranya Mahkamah bersetuju , selepas writ dikeluarkan, dengan bukti bersumpah bahawa plaintiff mempunyai sebab yang kukuh untuk ke atas defendan dan-
    - (a) defendan menghilangkan diri dari Negeri dan tidak dapat dikesan keberadaan;
    - (b) penghantaran saman writ tersebut tanpa kelewatan atau kesukaran yang besar; atau
    - (c) Defendan berniat untuk menghalang atau menangguhkan pelaksanaan dan mengalihkan atau hendak mengalihkan hartanya, mahkamah boleh membuat perintah bahawa harta defendan boleh disita atau dijadikan jaminan oleh pegawai yang bersesuaian.
  - **S.20- Mahkamah boleh melepaskan harta**
  - Mahkamah boleh melepaskan harta yang disita dan dikembalikan semula sekiranya terdapat sebab yang munasabah.

- 
- **S.21- Perintah penjualan barangan mudah rosak**
  - Mahkamah boleh pada bila-bila masa , sementara menunggu hari perbicaraan, mengeluarkan perintah untuk menjual apa-apa harta yang disita yang bersifat cepat rosak atau ia hendaklah dijual tanpa penangguhan dan mengarahkan untuk meneruskan penjualan tersebut dan hasil daripada penjualan tersebut disimpan pegawai yang bertanggungjawab atau dibayar terus kepada mahkamah.
  - **S.22-Harta yang boleh dilaksanakan**
  - Apa-apa harta yang disita atau hasil penjualan, boleh dikenakan pelaksanaan dalam tindakan terhadap defendan; tetapi ia hendaklah tertakluk kepada tuntutan terdahulu daripada mana-mana pemiutang, di mana penghakiman yang telah diperolehi dalam masa 1 tahun sebelum penyitaan ; di mana pemiutang telah mengeluarkan pelaksanaan terhadap harta defendan sebelum membuat apa-apa perintah di bawah bahagian ini.



Situasi dimana defendan ( penghutang ) akan diberikan pampasan kerana ia telah **ditangkap atau ditahan dengan cara tidak wajar.**


### Seksyen.23

Mahkamah boleh memberi ke atas plaintiff atas permohonan defendan amaun tidak **lebih dari RM 1,000.00** sebagai pampasan atas kerugian yang dialaminya jika:

- a. penangkapan atau penahanan yang dipohon oleh plaintiff tidak mempunyai alasan yang mencukupi;
- b. tuntutan plaintiff dibuang; dan
- c. mahkamah berpendapat bahawa tidak ada alasan yang cukup untuk membawa tindakan itu.

## Soalan:

- a. Apakah benda-benda yang tidak boleh di tahan, disita atau dijual dalam pengkuatkuasaan hutang penghakiman? (S.3)(a)-(h)
  
- b. Merican, seorang penghutang penghakiman telah diperintahkan oleh Mahkamah untuk membayar hutangnya secara ansuran kepada Bank Teguh. Pegawai kawalan Bank Teguh mempunyai rekod dan bukti kukuh yang menunjukkan Merican hendak melarikan diri dan meninggalkan negeri dengan maksud mengelak pembayaran hutangnya, berdasarkan kepada kes di atas dan dengan merujuk kepada Akta Penghutang nyatakan kuasa-kuasa yang ada pada mahkamah bagi menghalang Merican dari melarikan diri dan meninggalkan negeri. (S. 6- penangkapan si pemiutang,)

- 
- c. Apakah alasan-alasan yang menyebabkan pampasan kerana penangkapan atau penahanan tak wajar diawardkan kepada Defendan dalam Akta Penghutang? (S.23)
  - d. Di bawah Akta Penghutang bilakah seorang penjamin kepada seorang defendan boleh dilepaskan daripada tanggungjawabnya?(S.16)
  - e. Charles seorang penghutang penghakiman telah ditangkap kerana dikatakan melakukan kesalahan di bawah Akta Penghutang. Mahkamah telah menolak tuntutan pemiutang penghakiman dan Charles telah dilepaskan. Charles merasa sangat malu dengan kejadian itu dan berhasrat untuk memohon gantirugi daripada pemiutang penghakiman tersebut. Charles datang berjumpa anda. Nasihati Charles. (s.23)

- f. Apakah saman Penghutang Penghakiman dan bilakah waran tangkap boleh dikeluarkan ke atas penghutang penghakiman?  
(S. 4 (1) –maksud saman Penghutang Penghakiman )  
(S. 6 (1)-(3)- Penangkapan Penghutang penghakiman)
- g. Apakah benda-benda yang tidak boleh ditahan, disita atau dijual dalam penguatkuasaan hutang penghakiman?  
(Sec.3 (1) (a)-(h) )- benda tidak boleh disita dll.
- h. Bolehkah mahkamah membuat arahan untuk menjual harta yang disita yang merupakan barang mudah musnah di bawah Akta Penghutang 1957?  
(S.21- perintah untuk menjual barang mudah musnah)
- i. Dalam keadaan manakah mahkamah boleh mengeluarkan arahan untuk menyita harta defendan sebelum penghakiman dibuat?  
(S. 19(1) (a)- (c), (2)-(3)- Penyitaan harta sebelum penghakiman)

# CARA JAWAB SOALAN

1

- Merujuk kepada.....(masukkan seksyen) (masukkan nama akta/ordinan/enakmen , etc.) (huraikan undang-undang tersebut)

2

- Kaitkan undang-undang di atas dengan situasi/soalan yang diberikan.
- Contoh: mengikuti undang-undang yang dinyatakan,...(kaitkan dengan soalan)

3

- Kesimpulan (contoh: secara kesimpulannya, berdasarkan huraian di atas.....  
Oleh itu,.....)